

Headline	Rezeki duta kelip kelip		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	1,2	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	987 cm <sup>2</sup>
Journalist	Suzaini Sulaiman	AdValue	RM 38,882
Frequency	Daily	PR Value	RM 116,645



# REZEKI DUTA KELIP-KELIP

FOTO: SUZAINI SULAIMAN

■ Sumber pendapatan pendayung saling berkait dengan ekosistem kawasan pelancongan

Oleh Suzaini Sulaiman  
hmetroshahalam@hmetro.com.my  
Kuala Selangor

**K**erjaya pendayung sampan dan tarikan Pusat Pelancongan Kelip-Kelip, di Kampung Kuantan, di sini, bakal ber-kubur jika aspek ekosistem serta alam sekitar di kawasan itu tidak diurus dengan baik.

Aspek pemeliharaan dan pemuliharaan pusat kelip-kelip di kawasan itu seharusnya dipandang serius pihak berwajib berikut ia turut menjadi sumber pendapatan kepada puluhan pendayung sampan yang membawa pelancong saban hari.

»2

PENDAYUNG sampan memantau kawasan kelip-kelip di Kampung Kuantan dan Kampung Asahan.



Headline	Rezeki duta kelip kelip		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	1,2	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	987 cm <sup>2</sup>
Journalist	Suzaini Sulaiman	AdValue	RM 38,882
Frequency	Daily	PR Value	RM 116,645

< DARI MUKA 1

Mereka turut dipanggil ‘duta kelip-kelip’ berikutan mempunyai pengetahuan meluas berhubung kewujudan kelip-kelip di kawasan itu.

Seorang pendayung, Masbudi Abdul Malek, 29, berkata, dia berbangga menjadi pendayung sampan kerana membawa ribuan pelancong asing dari seluruh pelusuk dunia melihat keindahan kelip-kelip di kawasan itu.

“Saya bimbang berikutnya kebanyakannya pokok berembang menjadi habitat kelip-kelip semakin berkurban kebakangan ini.

“Mungkin sekarang belum nampak perubahan ketara, tetapi kesannya akan dapat dilihat dalam tempoh beberapa tahun lagi jika usaha pemulihian ekosistem tidak dilakukan segera,” kata-nya.

Beliau berkata, bilangan kelip-kelip semakin berkurban dibimbangi menjadi punca kedatangan pelancong ke kawasan ini merosot.

Kebimbangan itu turut dirasai rakannya, Shahrizal Abd Rahim, 29, yang bimbang kelip-kelip di kawasan itu pupus akibat pembangunan dan kerosakan ekosistem.

“Setiap kali mendayung sampan pada waktu siang, saya nampak banyak pencemaran berlaku di kawasan Sungai Selangor membabitkan sampah dan pokok hanyut,” katanya.

Dia bimbang pencemaran dari hulu sungai merosakkan pokok nipah dan berembang di kawasan memberi nafkah kepada dia dan 40 pendayung sampan lain.

“Saya berharap pihak tertentu dapat mengambil berat masalah ini, semoga keindahan kelip-kelip di kampung kami dapat dikekalkan dan menjadi tarikan pelancong asing dan dalam negara,” katanya.

# Lubuk nafkah dicemari

PENDAYUNG sampan, Samsul Afissam Mafiod, 29, menggunakan sampan lama untuk membrik benih pokok berembang.

**“Saya bimbang pokok berembang makin berkurang kebakangan ini”**  
Masbudi Abdul Malek

## ■ Pendayung sampan bimbang kelip-kelip pupus jejas kedatangan pelancong

### MDKS tanam pokok berembang

**Kuala Selangor:** Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) akan mengambil semula tanah tidak dibangunkan di sekitar kawasan ini serta menanam pokok berembang bagi memastikan hidupan kelip-kelip tidak terancam.

Setiausaha MDKS Azahari Sairin berkata, Pusat Pelancongan Kelip-Kelip di Kampung Kuantan diwartakan dalam cadangan Zon Santuari Kelip-Kelip Rancangan Tempatan MDKS 2015.

Katanya, sebarang permohonan pembangunan di kawasan pembangunan di-

kawasan zon penampungan tertakluk kepada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

“MDKS berperanan menyelenggara kebersihan kawasan, landskap, menyediakan kemudahan dan menyelenggarakan jeti, lampu jalan, taman permainan, tandas awam dan sebagainya.

“Statistik bilangan pengunjung melawat ke Pusat Pelancongan Kelip-Kelip juga menunjukkan peningkatan bagi dua tahun terakhir iaitu 77,212 pengunjung pada tahun 2013 dan 79,800 (2014),” katanya.

Beliau berkata penanaman pokok berembang di kawasan pusat pelancongan itu dijalankan secara berjadual untuk memastikan sumber makanan bagi kelip-kelip ini tidak terjejas.

Menurutnya, MDKS turut mendapat bantuan kepada daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) memantau populasi kelip-kelip dan memastikan serangga itu tidak pupus serta memastikan Kampung Kuantan terus memegang rekod tempat mempunyai koloni kelip-kelip jenis *Pteroptyx Tener* terbesar di dunia.



SAMSUL menunjukkan buah berembang untuk dijadikan benih pokok.